

Ruj. Kami : SUKNS.200(01)600/3 Kit.3 SJ.1 (2)

Tarikh : 31 Mac 2007

**SEMUA KETUA JABATAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

Y.B. Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**ARAHAN PEMATUHAN PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN
TATATERTIB) (NEGERI SEMBILAN) 2006**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Tujuan surat ini adalah untuk memaklumkan pemerhatian Pentadbiran ini berkenaan dengan kelemahan, ketidakcekapan dan kecuaiian yang berlaku di kalangan Ketua Jabatan dan pegawai bertanggungjawab, dalam menjalankan tugas kawalan dan pengurusan tatatertib ke atas pegawai bawahannya.

3. Sehubungan dengan itu, Y.B. Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan adalah diingatkan bahawa tindakan yang tegas akan diambil terhadap mana-mana Ketua Jabatan dan pegawai yang didapati bersikap cuai dan tidak bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas kawalan dan pengawasan tatatertib selaras dengan peruntukan Bahagian III di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Negeri Sembilan) 2006.

4. Oleh yang demikian, kerjasama Y.B. Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon dalam memantau dan memastikan segala tindakan tatatertib dilaksanakan dengan baik dan seberapa segera yang boleh bagi apa-apa pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Negeri Sembilan) 2006.

Sekian. Terima kasih.

"CINTAILAH BAHASA KITA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' KAMARUDDIN BIN SIARAF)